



Headline: Ahli perniagaan ditipu Macau Scam rugi Language: Malay
RM5,200

Publication/Portal: Utusan Borneo (Sarawak)
Date: 29 July 2021

Section: Tempatan
Page: 5

Ahli perniagaan ditipu Macau Scam rugi RM5,200

LIMBANG: Seorang ahli perniagaan wanita terpaksa menanggung kerugian RM5,200 selepas diperdaya sindiket penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai pekerja Telekom Malaysia dan pegawai polis.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Parum Niot berkata, kejadian berlaku pada 23 Julai lalu apabila mangsa, 58, menerima panggilan daripada seorang wanita mendakwa daripada Telekom Malaysia yang memaklumkan talian tetap mangsa yang didaftarkan di Negeri Sembilan terlibat dengan perjudian dalam talian.

“Mangsa disambungkan kepada seorang anggota polis berpangkat Dato, yang meminta nombor ID dan kata kunci akaun bank milik mangsa.

“Mangsa kemudiannya menyerahkan nombor TAC kepada suspek sebelum menyedari wang simpanan dalam akaunnya telah berkurangan sebanyak RM5,200,” katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Parum berkata, pihaknya melihat perlunya komunikasi dalam kalangan ahli keluarga dalam menyalurkan mak-



PARUM

lumat serta perkembangan mondis operandi penipuan sedemikian.

“Keluarga khususnya anak-anak hari ini yang mempunyai pendedahan langsung dengan maklumat di media sosial disarankan untuk berkongsi maklumat dengan ibu bapa masing-masing bagi mengelakkan mereka menjadi mangsa Macau Scam,” ujarnya.

Katanya, mereka yang berdepan situasi sama digesa terus berhubung dengan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Daerah (BSJKD) bagi mendapatkan nasihat mahupun menyalurkan maklumat berkenaan kes-kes jenayah komersial dengan menghubungi bahagian itu di talian 085-211466.